



SIARAN MEDIA

HCM 2025: GOTONG-ROYONG MEGA SATUKAN MALAYSIA DEMI KEBERSIHAN NEGARA

PORT DICKSON, 27 September 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus memperkasa agenda kebersihan negara menerusi penganjuran **Hari Cuci Malaysia (HCM) 2025: Program Pembersihan Mega Sempena World Cleanup Day** yang dirasmikan hari ini oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **YB Tuan Nga Kor Ming**, di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson pagi ini.

Program yang dianjurkan bersama **Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD)** ini mencerminkan komitmen tinggi kerajaan dalam memperkukuh budaya kebersihan nasional, selain menyokong sambutan **World Cleanup Day** yang diraikan setiap 20 September di seluruh dunia di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Hari Cuci Malaysia merupakan inisiatif tahunan KPKT bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kebersihan, amalan kitar semula dan pengurusan sisa pepejal secara mampan. Pada 7 Februari 2025, **Jemaah Menteri telah menetapkan Sabtu terakhir bulan September setiap tahun sebagai Hari Cuci Malaysia peringkat kebangsaan**, menjadikannya agenda tetap negara.

Pelaksanaan HCM melibatkan penyertaan meluas seluruh negara merangkumi pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), institusi pendidikan, komuniti setempat, syarikat pembersihan (SWM), pemaju perumahan (PR1MA dan SPNB), persatuan industri, syarikat swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Antara syarikat dan persatuan yang mengambil bahagian ialah Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA), Tetra Pak, AEON, Coca-Cola, Nestle, Bank Muamalat, Entomal, 99 Speedmart, Cypark dan Fathopesenergy, manakala NGO seperti Persatuan Tzu Chi, Persatuan AOHD (Roman Catholics Archdiocesan Office for Human Development) dan I Earth You turut serta menjadikan program ini sebahagian daripada komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Selain sambutan HCM 2025 turut diserikan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran, cabutan bertuah, kuiz kebersihan, persembahan seni, ceramah kitar semula, pengumpulan minyak masak terpakai dan jualan komuniti.

KPKT juga menyasarkan penciptaan **dua rekod baharu Malaysia Book of Records (MBOR)**, iaitu:

- i. **Penyertaan Gotong Royong Teramai: 100,000 peserta** serentak di seluruh negara
- ii. **Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Terbanyak dalam 1 hari:** sekurang-kurangnya 3,000 kilogram

Objektif Hari Cuci Malaysia adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran awam mengenai kebersihan, kitar semula dan penjagaan alam sekitar.
- Menggalakkan penyertaan menyeluruh (*whole-of-nation*) merangkumi kerajaan, swasta, NGO, komuniti, institusi pendidikan dan individu.
- Membudayakan amalan kebersihan sebagai norma harian masyarakat
- Memupuk semangat perpaduan dan kesukarelawanan melalui aktiviti gotong-royong.

Hari Cuci Malaysia bukan sekadar inisiatif pembersihan, sebaliknya menjadi simbol **nilai teras Malaysia MADANI** yang menekankan aspek kemampanan, kesejahteraan rakyat dan perpaduan masyarakat majmuk.

Sambutan HCM 2025 melambangkan kesepakatan rakyat bersama kerajaan dalam membudayakan amalan kebersihan demi masa depan negara yang lebih hijau, bersih dan sejahtera.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson, Tuan Hasnor bin Abd Hamid; barisan pengurusan tertinggi KPKT, pemimpin-pemimpin tempatan serta pegawai-pegawai SUK Negeri Sembilan dan juga MPPD.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI
#CuciMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

